

Bil(8) dlm. PWN.Sel.(P) 869/4/1



Kepada
Datuk Bandar/Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Selangor

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 1 TAHUN 2008
PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SEBUTHARGA DAN
TENDER BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor mengenai pelantikan Ahli Jawatankuasa Sebutharga dan Tender bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri telah memutuskan Ahli-ahli Jawatankuasa Sebutharga dan Tender di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mematuhi peraturan-peraturan perolehan seperti dilampiran.

2.2 Sebarang pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) dan penetapan dasar/tatacara tertentu diperjelaskan melalui Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) dan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan. Ahli-ahli Jawatankuasa Sebutharga dan Tender boleh mendapatkan tatacara terkini melalui laman **web: www.treasury.gov.my**.

2.3 Terdapat 2 jenis perolehan iaitu:-

2.3.1 Bekalan / Perkhidmatan

2.3.2 Kerja

3. PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SEBUTHARGA/ TENDER

Untuk melaksanakan tugas-tugas perolehan Perbendaharaan Negeri Selangor mencadangkan pelantikan Ahli Jawatankuasa Tender/Sebutharga hendaklah terdiri daripada:-

3.1 Tender

Ahli-ahli	Bandaraya/ Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi	Datuk Bandar @ Yang diPertua	Yang diPertua
Ahli-ahli:-	i) Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang diPertua; ii) Pengarah Kewangan iii) Penasihat Undang- undang	i) Pengarah Kewangan ii) Penasihat Undang-undang iii) Setiausaha
Urusetia:	Pelantikan dibuat oleh Datuk Bandar @ Yang diPertua	Pelantikan dibuat oleh Yang diPertua

3.1 Sebutharga

Ahli-ahli	Bandaraya/ Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi	Datuk Bandar @ Yang diPertua	Yang diPertua
Ahli-ahli:-	i) Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang diPertua ii) Pengarah Kewangan / Penasihat Undang- undang	i) Setiausaha; ii) Pengarah Kewangan
Urusetia:	Pelantikan dibuat oleh Datuk Bandar @ Yang diPertua	Pelantikan dibuat oleh Yang diPertua

4. PENGECUALIAN

Pengecualian daripada peraturan-peraturan perolehan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 202.2 Jadual VI (v).

5. PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah berkuatkuasa pada 10 April 2008.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 8 Mei 2008

LAMPIRAN

KAEDAH-KAEDAH PEROLEHAN

1. BEKALAN/PERKHIDMATAN

1.1 Pembelian Terus

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
>RM 50,000	Pegawai Pegawai	a. Dibuat secara lantikan terus mana-mana pembekal berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan b. Dibuka kepada Bumiputra atau bukan Bumiputra c. Pembelian dibuat secara pesanan tempatan	a. Arahan Perbendaharaan 173 b. SPP Bil 12/2007

1.2 Sebutharga

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
RM 50,000 sehingga RM 100,000	Jawatan kuasa sebutharga	a. Terbuka kepada bumiputra sahaja b. Mesti berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan c. Dipelawa kepada sekurang-kurangnya lima(5) syarikat	a. Arahan Perbendaharaan 170, 170.1 b. SPP 2/2001

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
RM 50,000 sehingga RM 200,000	Jawatan kuasa sebutharga	a. Terbuka kepada bumiputra dan bukan bumiputra b. Mesti berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan c. Dipelawa kepada sekurang-kurangnya lima(5) syarikat	a. Arahan Perbendaharaan 170, 170.3 b. SPP 2/2001

1.3 Tender

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
>RM 200,000	Jawatan kuasa tender	a. Hendaklah dibuat secara tender terbuka b. Pengecualian daripada peraturan hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan negeri c. Kelas bagi pembekal berdasarkan kepada kod bidang dan berdaftar dengan Kementerian kewangan	a. Arahan Perbendaharaan 171.1 b. SPP 2/2001

2. KERJA

2.1 Pembelian Terus

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
<RM 20,000	Pegawai Pegawai	a. Dibuat secara lantikan terus dikalangan kontraktor kelas F b. Mesti berdaftar dengan Pusat Khidmatan Kontraktor (PKK) dibawah kepala dan sub kepala yang berkaitan c. Kerja-kerja dilaksanakan secara inden d. Pesanan kerja atau inden yang dikeluarkan hendaklah mengikut Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan bangunan	a. Arahan Perbendaharan 179.1, 180.1 b. SPP 2/1999

2.3 Sebutharga

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
RM 20,000 Sehingga RM 200,000	Jawatan kuasa sebutharga	a. Terbuka kepada Bumiputra b. Mesti berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dibawah kepala dan sub kepala yang berkaitan c. Kerja-kerja atau pembaikan mestilah tidak mengubah struktur asal dan perolehan dibuat tidak berdasarkan jadual kadar kerja kejuruteraan awam	a. Arahan Perbendaharan 179.1, 180.1 b. SPP 2/1999

2.3 Tender

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
>RM 200,000	Jawatan tender	a. Hendaklah dibuat secara tender terbuka b. Jabatan dilarang memecahkecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan tender c. Pengecualian daripada peraturan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri	a. Arahan Perbendaharan 171.1 b. SPP 2/2001

2.3 Kerja-kerja "Requistion"

Had	Kuasa Melulus	Tatacara perolehan	Undang-undang
RM 20,000 hingga RM 100,000	Pegawai Pengawal	a. Kerja-kerja yang kecil dan pembaikan dan tidak mengubah struktur asal. b. Kerja-kerja hendaklah dibuat dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam	a. Arahan Perbendaharan 180.1 b. SPP 2/2001